



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P) 2024

#### 1. Apakah itu *Professional Development Programme (Pro-P) 2024?*

*Professional Development Programme (Pro-P)* adalah program pinjaman pelajaran dalam bentuk **Pinjaman Boleh Ubah** di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk graduan cemerlang bagi mengikuti pengajian ke **peringkat Profesional / Kepakaran** di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan Universiti terpilih dalam dan luar negara dalam bidang profesional atau kepakaran tertentu yang memberi impak besar kepada keperluan guna tenaga negara.

#### 2. Apakah yang dimaksudkan dengan Pinjaman Boleh Ubah?

Pinjaman Boleh Ubah (PBU) bermaksud keseluruhan pinjaman pelajaran yang diterima boleh dipertimbangkan pengurangan (*conversion*) bayaran balik berdasarkan prestasi akademik pemohon setelah tamat pengajian tertakluk kepada dasar yang ditetapkan.

#### 3. Bagaimanakah cara untuk saya memohon Pro-P?

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui Portal MARA, <https://educationloan.mara.gov.my>. Pemohon hendaklah mendaftar terlebih dahulu sebagai pengguna baharu sebelum mengisi permohonan. Pemohon perlu **MEMBACA DAN MEMAHAMI GARIS PANDUAN PERMOHONAN Pro-P** yang disediakan sebelum membuat permohonan.

#### 4. Bilakah permohonan Pro-P akan dibuka?

Permohonan dibuka selama 19 hari mulai **06 Mei 2024 (Isnin) sehingga 24 Mei 2024 (Jumaat), 12.00 tengahari.**



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P) 2024

- 5. Apakah kursus dan syarat kelayakan untuk melayakkan saya memohon Pro-P?**

Kursus dan syarat kelayakan bagi permohonan Pro-P boleh dirujuk dalam **GARIS PANDUAN PERMOHONAN Pro-P** semasa permohonan dibuka.

- 6. Adakah saya perlu menghadiri temuduga selepas memohon?**

Permohonan yang memenuhi syarat dan melepas saringan sahaja akan disenarai pendek untuk menghadiri temuduga/ujian kelayakan. Sebarang maklumat berkaitan temuduga/ujian kelayakan akan dimaklumkan kepada pemohon dari semasa ke semasa melalui e-mel.

- 7. Bolehkah saya memohon Pro-P 2024 sekiranya Ibu/Bapa/Penjaga/Penjamin/Pasangan dan saya dalam senarai hitam MARA?**

Tidak boleh. Ibu, bapa, penjaga, penjamin, pasangan dan pemohon perlu bebas dari senarai hitam MARA. Pemohon dinasihatkan segera menyemak status senarai hitam di Bahagian Kawalan Kredit MARA sebelum memohon Pro-P.

**Sila hubungi Bahagian Kawalan Kredit MARA :-**

Talian Utama MARA / MARA Call Centre : 03-2613 2000

Talian Careline BAHAGIAN KAWALAN KREDIT MARA (BKK) :

03- 2613 2399 / 2288 / 2286 / 2133 / 2132 / 2131 / 2178 / 2143 / 2147

- 8. Sekiranya permohonan dalam talian telah ditutup, adakah saya dibenarkan memohon secara manual menggunakan surat permohonan?**

**TIDAK DIBENARKAN.** Tiada permohonan melalui surat atau borang.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL *PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P) 2024*

- 9. Jika saya tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tetapi saya ingin mencuba untuk memohon, adakah dibenarkan?**

Hanya pemohon yang memenuhi syarat kelayakan dan permohonan lengkap sahaja akan dipertimbangkan untuk tawaran Pro-P.

- 10. Saya merupakan pelajar tahun akhir dalam program Kepakaran Perubatan di salah satu universiti yang tersenarai dan tidak menerima mana-mana tajaan/bantuan kewangan. Tempoh pengajian saya berbaki 9 bulan sahaja. Adakah saya layak memohon program ini?**

Tidak layak. Bagi pelajar sedia ada yang ingin memohon program ini, baki tempoh pengajian mestilah tidak kurang daripada 1 tahun (12 bulan) dari tarikh permohonan dibuat **TIDAK** termasuk semester terkini/semasa.

- 11. Apakah bentuk pinjaman pelajaran yang akan saya terima sekiranya permohonan Program Pro-P ini berjaya?**

Pinjaman pelajaran di bawah Program Pro-P ini merangkumi Yuran Pengajian, Elaun Sara Hidup (ESH) dan elaun-elaun lain tertakluk pada kelulusan. Elaun Pengangkutan (pergi dan balik sekali sepanjang pengajian) hanya layak dibayar kepada pelajar Semenanjung yang melanjutkan pengajian di Sabah/Sarawak atau pelajar Sabah/Sarawak yang melanjutkan pengajian di Semenanjung (rujuk Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan MARA).

Bagi pemohon yang sedang bekerja hanya layak untuk yuran pengajian sahaja (pengajian dalam negara).



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL *PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P) 2024*

- 12. Saya pernah mengemukakan permohonan sebelum ini, iaitu pada tahun 2023 namun tidak menghantar permohonan sebelum tarikh tutup yang ditetapkan. Apakah tindakan yang perlu dilakukan sekiranya saya berminat untuk memohon Pro-P pada tahun 2024?**

Pemohon perlu menghapuskan sendiri permohonan Pro-P tahun 2023 di sistem MyEduloan sebelum pemohon membuat permohonan Pro-P tahun 2024.

- 13. Sekiranya saya pernah memohon pinjaman pelajaran MARA yang lain seperti program GREP dan berstatus "Hantar", apakah tindakan yang perlu saya lakukan sekiranya saya berminat untuk memohon Pro-P?**

Pemohon perlu menghantar e-mel ke alamat (rujuk alamat e-mel mengenai program di para 27) dengan menyertakan nama dan nombor kad pengenalan bagi membatalkan permohonan terdahulu yang berstatus "hantar" sebelum pemohon membuat permohonan Pro-P.

- 14. Adakah saya boleh mengemukakan dan menghantar permohonan Pro-P lebih daripada sekali?**

Pemohon **TIDAK DIBENARKAN** membuat permohonan lebih daripada sekali. Pemohon juga perlu memastikan **maklumat diisi dengan lengkap dan betul** sebelum menekan butang "Hantar". Permohonan yang telah dihantar **TIDAK** boleh diubah dan dikemaskini.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P) 2024

- 15. Adakah saya perlu menghantar apa-apa dokumen fizikal selepas membuat permohonan secara dalam talian?**

Pemohon perlu mengisi dan melengkapkan permohonan secara dalam talian termasuk memuat naik semua maklumat yang berkaitan sahaja. Hanya pemohon yang **berjaya dan menerima tawaran sahaja perlu mencetak dan menghantar dokumen berkaitan** kepada pihak MARA dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan MARA atau pada tempoh yang akan ditetapkan.

- 16. Bagaimanakah dokumen sokongan perlu dimuat naik ke dalam sistem semasa saya mengisi permohonan Pro-P?**

Semua dokumen sokongan perlu dimuat naik satu persatu dan disimpan (save) dalam format **.pdf sahaja**. Format seperti .jpg, .word dan selainnya **tidak dibenarkan** dimuat naik.

- 17. Berapakah saiz kapasiti maksimum setiap dokumen sokongan yang boleh dimuat naik ke dalam sistem permohonan Pro-P?**

Saiz kapasiti setiap dokumen sokongan yang boleh dimuat naik ke dalam sistem adalah **tidak melebihi 10MB**.

- 18. Adakah semua dokumen sokongan yang dimuat naik perlu disahkan benar?**

Semua dokumen sokongan **TIDAK PERLU** disahkan benar **KECUALI surat pengesahan pendapatan ibu/bapa/penjaga/penjamin/pasangan bagi yang bekerja sendiri dan tiada pendapatan/surirumah SAHAJA** yang perlu disah benar.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P) 2024

- 19. Sekiranya saya telah memuat naik semua dokumen yang berkaitan ke sistem beberapa kali tetapi masih tidak berjaya, apakah yang perlu dilakukan?**

Pemohon disarankan supaya ke *history browser* untuk memadam (*delete*) *history/cookies* bagi mendapatkan paparan yang lebih cepat dan terkini. Namun, sekiranya masih tidak boleh memuat naik dokumen tersebut, sila tukar *browser* lain (contoh *browser* : Firefox, Mozilla, Edge, Internet Explorer).

- 20. Bagaimanakah saya boleh membuat semakan keputusan permohonan Pro-P?**

Pemohon perlu sentiasa menyemak status permohonan yang telah dihantar dalam sistem Myeduloan dari semasa ke semasa di pautan <https://educationloan.mara.gov.my>. Pemohon yang berjaya dan menerima surat tawaran perlu mencetak dan menghantar dokumen yang berkaitan kepada MARA. Permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak MARA selepas tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya dan keputusan adalah muktamad.

- 21. Sekiranya semakan saya mendapati status terkini dipaparkan "Berstatus Hantar," adakah saya perlu mendaftar semula?**

Pemohon tidak perlu mendaftar semula kerana permohonan tersebut telah berjaya dihantar dan sedang diproses.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P) 2024

- 22. Adakah permohonan saya dianggap berjaya sekiranya status di dalam sistem “Pengesahan Lengkap”?**

Setiap permohonan yang berstatus “Pengesahan Lengkap” telah melepas semakan dokumen dan dalam peringkat kelulusan peruntukan sebelum surat tawaran dapat dikeluarkan.

- 23. Bolehkah saya memohon biasiswa/bantuan kewangan/tajaan pengajian pelajaran daripada agensi/badan penaja yang lain sekiranya telah memohon pinjaman pelajaran Pro-P?**

Pemohon bebas untuk memohon biasiswa/bantuan kewangan/tajaan pengajian pelajaran daripada mana-mana agensi/badan penaja selain MARA. Namun, MARA akan membatalkan tawaran pinjaman sekiranya semakan MARA mendapati pada masa yang sama pemohon telah mendapat biasiswa/bantuan kewangan/tajaan pengajian daripada mana-mana agensi/penaja.

- 24. Dimanakah saya boleh menyemak senarai kursus dan IPT terpilih yang ditetapkan oleh pihak MARA?**

Senarai tersebut boleh dirujuk pada **Lampiran GP2** di dalam **GARIS PANDUAN PERMOHONAN PRO-P** semasa permohonan dibuka.

- 25. Jika saya memilih kursus yang BUKAN dalam senarai Lampiran GP2, adakah permohonan saya akan diproses?**

Tidak. Permohonan tersebut tidak akan diproses dan **TIDAK LAYAK**. Hanya kursus yang tersenarai di Lampiran GP2 sahaja akan diproses.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL *PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P) 2024*

**26. Saya telah mendapat tawaran bersyarat (conditional offer letter) sebelum tarikh iklan ini ditutup tetapi saya akan memulakan pengajian bagi program kepakaran perubatan pada Januari 2025, adakah saya layak memohon Pro-P?**

Tidak layak. Pemohon perlu memulakan pengajian sebelum atau pada 31 Disember 2024.

**27. Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi MARA sekiranya ada sebarang pertanyaan?**

Sebarang pertanyaan boleh dibuat dari pukul 9.00 pagi hingga pukul 4.30 petang (Isnin-Jumaat) seperti berikut:

- i. mengenai program, sila e-mel ke: [prop@mara.gov.my](mailto:prop@mara.gov.my)
- ii. mengenai masalah teknikal semasa permohonan, sila e-mel ke: [ictbpp@mara.gov.my](mailto:ictbpp@mara.gov.my)

- TAMAT -